

Fokus kepada pendidikan, penyelidikan biofuel

Oleh SURAIDAH ROSLAN
hadieyda18@yahoo.com

UB 28.09.2012 A3

KOTAKINABALU: Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Hj Aman menyeru agar Universiti Malaysia Sabah (UMS) memberi fokus yang khusus kepada pendidikan dan penyelidikan bahan bakar bio atau biofuel bagi membantu negeri ini meningkatkan keselamatan dan penggunaan tenaga.

“Kita perlu melabur dalam teknologi bagi meningkatkan pengeluaran dan penggunaan biofuel, dan saya meminta agar UMS memberikan keutamaan kepada pendidikan dan penyelidikan dalam bidang itu,” katanya.

Beliau berkata, penyelidikan yang komprehensif, pembangunan dan strategi penempatan adalah perlu dalam membangunkan generasi biofuel yang baru dan mempunyai hasil yang lebih baik, daya maju komersil serta prestasi alam sekitar yang baik.

Tambahnya, bagi membawa sektor biofuel untuk bergerak ke hadapan, usaha-usaha dalam memastikan pengeluaran mampan di peringkat tempatan dan antarabangsa amat diperlukan.

Beliau berkata demikian dalam ucapan yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat, Datuk Yee Moh Chai, sempena Majlis Perasmian Bengkel Antarabangsa Pertama



YEE (tengah) ditemani oleh Harun (kiri) ketika merasmikan Bengkel Antarabangsa Pertama mengenai Biofuel di Magellan Sutera Harbour, pada malam Rabu lalu.

mengenai Biofuel di Magellan Sutera Harbour, di sini malam Rabu lalu.

“Ini bermakna akan ada penubuhan mekanisme kemampanan termasuk kriteria kemampanan global bagi pasaran yang sedia ada dan baru. Ia boleh dibangunkan melalui dialog yang telus dalam kalangan rakan-rakan dan bengkel yang diadakan hari ini merupakan langkah penting dalam menyumbang ke arah usaha ini.

“Sementara biofuel menawarkan pilihan yang penuh dengan janji-janji, ia juga membentangkan banyak

cabaran. Kita harus memastikan biofuel boleh dibangunkan dalam banyak cara bagi melindungi planet kita, dan bukan dengan cara mewujudkan risiko yang baru.

“Dalam beberapa kes, biofuel yang dihasilkan tidak menyumbang kepada penjimatan gas rumah hijau. Dalam kes lain pula, biofuel yang dihasilkan akan menyebabkan masalah alam sekitar kepada tanah, sumber air, kehilangan biodiversiti dan penebangan hutan,” katanya.

Menurut Musa, polisi mengenai pembangunan biofuel juga perlu

mencapai objektif keselamatan bekalan tenaga dan perubahan iklim.

“Kita tidak boleh meneruskan polisi biofuel yang mengalihkan masalah dari satu sektor ke sektor yang lain kerana ia akan memberi kesan buruk untuk tempoh masa yang lama, termasuklah degradasi alam sekitar serta kesan terhadap keselamatan makanan apabila fokus yang lebih diberikan bagi menghasilkan tanaman untuk biofuel,” katanya.

Beliau berkata, selain daripada cabaran berkenaan, masih ada cara untuk menguruskan pembangunan biofuel yang akan memberi manfaat kepada orang ramai.

“Apabila ia diuruskan dengan baik, biofuel mempunyai potensi yang akan memberi manfaat yang penting termasuklah dapat mengukuhkan keselamatan tenaga dengan mempelbagaikan sumber tenaga.

“Penggunaan biofuel adalah satu daripada cara yang praktikal kerana ia boleh mengurangkan pelepasan gas rumah hijau daripada sektor pengangkutan, yang mana hampir keseluruhannya bergantung kepada minyak.

Musa berkata, biofuel menjanjikan banyak peluang yang penting kepada pembangunan industri, inovasi dan pekerjaan yang berkualiti tinggi dan ia memainkan peranan yang penting kerana negara sedang menuju ke arah ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Professor Dr Mohd Harun Abdullah berkata dengan termeterai perjanjian persefahaman antara UMS dan juga Sawit Kinabalu, mereka menjangkakan penyelidikan yang lebih maju dalam bidang biofuel akan dijalankan.

“Setakat tahun 2011, Sabah antara negeri terbesar yang ditanam dengan kelapa sawit iaitu dengan 1.4 juta hektar atau 28.6 peratus daripada jumlah kelapa sawit yang ditanam di seluruh Malaysia. Ia menghasilkan sebanyak 9.9 peratus atau 5.84 juta minyak sawit mentah di Malaysia,” katanya.

Menurut Harun, bengkel itu bukan hanya mewujudkan kesedaran mengenai peluang yang ada dalam industri biofuel tetapi juga menyediakan platform bagi orang dalam industri itu bertukar-tukar pendapat dan pandangan.

Sementara di peringkat universiti pula, beliau berkata mereka akan mewujudkan program pendidikan dan penyelidikan mengenai biofuel untuk menjana modal insan yang terlatih agar terlibat dengan industri biofuel.

“Kami juga merancang untuk mengadakan forum biofuel yang akan melibatkan pihak yang berkepentingan dalam masyarakat untuk merumuskan garis panduan bagi membolehkan kerajaan negeri meluluskan dan menjalankan polisi garis panduan untuk masyarakat mampan,” tambahnya.